

CNS1970

R GB 07-08 00164 BH434

aab

PERDANAMENTERI LANCAR AMANAH SAHAM LANGKAWI

Mahathir - ASAL

LANGKAWI, 7 Ogos (Bernama) -- Amanah Saham Anak Langkawi (ASAL), yang antara lain bertujuan membantu Bumiputera di sini daripada ketinggalan dalam arus pembangunan, dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ketika merasmikan pelancarannya di Sheraton Langkawi Resort di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan persekutuan bersetuju memberi pinjaman \$10 juta manakala Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) memberi pendahuluan \$2 juta lagi sebagai wang kumpulan modal bagi Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi melabur dalam syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat lain yang beroperasi di sini.

Katanya, unit saham ASAL akan dijual kepada rakyat tempatan Langkawi pada harga seringggit seunit pada peringkat permulaan.

Menurutnya, pelancaran ASAL adalah sebahagian daripada tugas kerajaan memastikan masyarakat tempatan mendapat layanan adil dan membantu golongan miskin.

Perdana Menteri mahu penduduk Langkawi mengambil kesempatan daripada pembangunan pesat yang dilaksanakan oleh kerajaan di pulau ini terutama dalam industri pelancongan. -- Lagi

▼07/08/20-05MST

CNS1982

R GB 07-08 00129 BH435

aab

Mahathir - ASAL 2 Langkawi

Menurutnya, banyak peluang yang boleh direbut oleh penduduk tempatan bagi mencari pendapatan dengan inudah.

Beliau berkata Langkawi kini mempunyai 13 jutawan dan ia merupakan daerah mempunyai jutawan terbanyak di negara ini kerana hasil menjual tanah.

Bagaimanapun, golongan lain di pulau ini yang tidak dapat menjual tanah boleh melabur dalam ASAL untuk mendapat faedah daripada pembangunan Langkawi, katanya.

Sementara itu, Pengerusi Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi, Tan Sri Basir Ismail dalam ucapannya berkata, ASAL akan menubuhkan sebuah pejabat untuk menjalankan urusan jual beli unit sahamnya di Kuah di sini.

Katanya, Jemaah Pengarah ASAL terdiri daripada anak tempatan Langkawi dan akan dibantu dari segi pentadbiran oleh LADA sehingga ia berupaya beroperasi sendiri. -- Lagi

▼07/08/20-22MST

CNS1987

R GB 07-08 00171 BH436

aab

Mahathir - ASAL 3 (Akhir) Langkawi

+Melalui ihsan kerajaan Kedah segala pengendalian dan pelaburan akan di jalankan di Langkawi sendiri ,+ katanya.

Beliau berharap anak tempatan Langkawi melabur dalam ASAL supaya dapat mencapai matlamat penubuhannya. ASAL didaftar pada 18 Mac lepas.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Ibrahim Saad, Pengerusi Bersama LADA, Tun Daim Zainuddin, dan Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Sementara itu, Perdana Menteri juga melancarkan feri Perdana Ekspres di jeti Kuala. Feri yang boleh membawa 356 penumpang itu akan mengadakan perkhidmatan antara Pulau Pinang dan Belawan, Indonesia dan akan memperluaskan perkhidmatannya untuk perkhidmatan antara Langkawi dan Phuket, Thailand.

Perkhidmatan feri yang dimiliki oleh Idris Hydraulic (M) Berhad itu antara lain bertujuan menarik lebih ramai pelancong Indonesia, Thailand dan negara asing lain melawat negara ini, di samping sebagai suatu alternatif kepada pengangkutan laut.

Perdana Menteri turut menegur soal tambang feri di negara ini yang agak tinggi. -- B e r n a m a

▼07/08/20-29MST